

# IPG Kampus Miri adakan lawatan kerja ke UPMKB



IPG Kampus Miri merakam gambar bersama pihak universiti semasa mengadakan lawatan kerja ke UPMKB baru-baru ini.

**BINTULU:** Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Miri mengadakan Lawatan Kerja Perkongsian Amalan Terbaik peningkatan Professionalisme ke Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

UPMKB dalam satu kenyataan berkata, pihak rombongan berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan idea mengenai amalan Ekosistem Persekitaran Kondusif Sektor awam yang ada di kampus berkenaan.

Difahamkan, rombongan itu disambut oleh Ketua Perpustakaan Awang Ahmad Faizi Awang Dahlan yang mewakili Pengurusan UPMKB.

Menurut Ahmad Faizi dalam kenyataan itu, lawatan tersebut dapat menjalin kerjasama dan membuka idea-idea baharu mengenai bidang professional yang terdapat di kedua-dua institusi.